

25 FEB 2003

Moggie-PBDS/I

MOGGIE DIMINTA TIMBANG SEMULA KEPUTUSAN BERUNDUR

KOTA SAMARAHAN, 25 Feb (Bernama) -- Datuk Amar Leo Moggie diminta menimbang semula keputusannya untuk melepaskan jawatan sebagai Presiden Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) menjelang akhir tahun ini.

Setiausaha Agung PBDS Stanley Ajang hari ini berkata masyarakat Dayak di Sarawak menghadapi pelbagai cabaran dan masih perlukan khidmat Moggie, yang juga Menteri Tenaga, Telekomunikasi dan Multimedia.

"Di kalangan masyarakat Dayak, kami perlukan pemimpin yang baik...dan pemimpin yang baik seperti Taib (Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud) perlu dikekalkan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri pelancaran buku bertajuk "The Old Kayan Religion and the Bungan Religious Reform" di Universiti Malaysia Sarawak di sini.

Anggota Parlimen Hulu Rajang, Billy Abit Joo, melancarkan buku setebal 124 muka surat itu yang ditulis oleh mendiang Lake Baling Avun. Ia menceritakan tentang perkembangan "Adat Bungan", satu daripada agama peribumi yang mempunyai ramai pengikut di kawasan tengah kepulauan Borneo pada tahun-tahun 40an dan 50an.

Awal tahun lepas, Moggie mengumumkan hasratnya untuk berundur daripada jawatan parti itu, dan menurut Ajang, usaha memujuk beliau menarik balik keputusan itu gagal kerana Moggie tetap berpegang kepada keputusan itu.

"Kami akan terus memujuk beliau," katanya.

Ketika ditanya kemungkinan berlaku perebutan bagi jawatan itu jika Moggie masih tetap mahu berundur, Ajang enggan mengulas.

Moggie telah menubuh dan mengetuai PBDS selepas keluar dari Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP) pada 1983.

Beliau telah mengumumkan tidak akan bertanding lagi pada persidangan tiga tahun sekali parti itu September ini, tetapi akan kekal sebagai Anggota Parlimen Kanowit dan menyerahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menentukan kedudukannya sebagai menteri kabinet.

Setakat ini, Timbalan Presiden PBDS Datuk Seri Daniel Tajem dan Ketua Penerangan parti itu, Datuk Seri James Jemut Masing telah menyatakan hasrat bertanding jawatan tertinggi parti itu.

-- BERNAMA

RDY MAI